

## CABARAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI THAILAND\*

### *Challenges of Implementing Islamic Law in Thailand*

**Mahamatayuding Samah**

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
mahyudin@um.edu.my*

#### ABSTRACT

*Islamic Law Application in Pattani, Yala, Narathiwat and Satul B.E. 2489 (1946), is the first act declared by the Thai government as an Islamic Law applicable to the courts in four southern Thai provinces. This Act describes the method of deciding Muslim family cases and inheritance. The study was conducted to look at the extent of Islamic Law in the four southern provinces of Thailand and the issues arising from the implementation of the Islamic Law. What is to be concluded is that the position of Islamic Law in southern Thailand remains above what is enacted, very limited both from geographical boundaries that are restricted to the four southern Thai provinces and also to the scope of implementation that is only explored in the field of family and inheritance.*

**Keywords:** *Islamic family Law, challenge, southern Thailand*

#### PENDAHULUAN

Thailand dikenali dengan “Muang Thai” atau Negara Gajah Putih”. Negara ini dikenali ramai orang sebagai sebuah negara pertanian dan pelancongan. Ia adalah sebuah negara yang terletak di Selatan Timur Asia. Di sebelah utara bersempadan dengan Laos dan Burma. Di Selatan bersempadan

---

\* Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaya di atas peruntukan geran penyelidikan GPF009L-2019.

dengan Malaysia. Sebelah Timur bersempadan dengan Kemboja. Negara ini mempunyai keluasan, 513,120 kilometer persegi.<sup>1</sup>

Secara umum, penduduk Thailand beragama Budha, menurut banci penduduk pada tahun 2013, majoriti warga negara Thailand adalah Budha Theravada (95%), kemudian Islam (4.6%) dan selainnya adalah Kristian Katolik, Kongchu, Hindu dan Singh. Namun, jumlah masyarakat yang memeluk Islam dipercayai melebihi angka 10% atau sekitar 7.4 juta dari 69.52 juta jiwa penduduk. Hal ini menunjukkan bahawa pertumbuhan masyarakat yang memeluk Islam di negeri ini terus meningkat.<sup>2</sup>

Sebahagian besar Muslim di Thailand tinggal di bahagian selatan seperti di wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat. Mereka adalah berbangsa Melayu, menulis dengan tulisan jawi dan bercakap dengan dialek Melayu tempatan, serta mempunyai budaya yang sangat unik. Hal ini dapat dilihat dalam sejarah bahawa wilayah tersebut bukanlah sebahagian dari Thailand sebelum ianya dijajah oleh Thailand pada tahun 1808.

Namun, ia tidaklah bererti bahawa tiada Muslim di wilayah-wilayah lain seperti Bangkok, Chiangmai, Chiangrai, Ra'nong, Surathani, Nakhorn Sritammarat, Krabi, Pangga, Trang, Fattalung, Phuket dan Satul. Walau bagaimanapun, dalam wilayah-wilayah ini, didapati bahawa golongan etnik dan identiti Muslim dicampuri dengan beberapa golongan seperti Melayu (kebanyakan daripadanya adalah pendatang dari wilayah selatan Thai), Siam, China (Chin Ho dan Haw), India, Bangladesh, Pakistan, Indonesia (Bugis, Jawa dan Menengkabau), Persia, Muslim Chan dari keturunan Kemboja dan Burma Muslim dari etnik Rohingya.<sup>3</sup>

## **PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI THAILAND**

Setelah kajian dijalankan terhadap pelaksanaan undang-undang Islam di Patani atau di empat wilayah selatan Thailand, didapati bahawa undang-undang telahpun dilaksanakan semenjak abad ke 16-18 dan ini termasuk undang-undang keluarga Islam, pusaka dan jenayah. Ini kerana kerajaan Patani pada

---

<sup>1</sup> Index Mundi, "Thailand Area", [www.indexmundi.com/Thailand/area.html](http://www.indexmundi.com/Thailand/area.html), dicapai pada 2 Oktober 2018. Information in this page is accurate as of 6 December 2013.

<sup>2</sup> Thailand Population 2013/world population. November 8, 2013. [www.world](http://www.world)

<sup>3</sup> Thanet Aphornsuvan, "History and Politics of the Muslims in Thailand," <https://seap.einaudi.cornell.edu/sites/seap/files/MuslimThailand.pdf>, dicapai pada 28 Mei 2020.

masa itu merupakan kerajaan yang maju di setiap bidang, sama ada di bidang ekonomi, politik dan bidang pengajian Islam. Hal ini berdasarkan bukti-bukti yang boleh dipercayai bahawa mahkamah pada masa itu menggunakan undang-undang Islam dengan sepenuhnya.

A Teeuw berkata “Shahdan agama Islam makin masyhurlah daripada segala dusun hingga datang kepada negeri, Kota Mahligai, itu pun samalah mengikut Syariah Nabi Muhammad Mustafa Sallallah hualaiwassallam” (A Teeuw 1970: 78-79). Dalam soal kemajuan, A. Malik berkata, “Abad keenam belas menunjukkan Patani sebagai sebuah empayar teragung di alam Melayu. Ia bukan sahaja pedagang dari Barat dan Timur, kemakmuran ini menunjukkan bahawa kerajaan Patani telah mencapai taraf ekonomi yang teguh. Kejayaan ini tercapai, hasil kebijaksanaan raja-raja Melayu Patani. Mereka lambang kejayaan sistem pemerintahan tradisi Bangsa Melayu. Daripada hasil kemakmuran inilah berkembangnya ciri budaya unggul di Patani seperti kegiatan keilmuan, bahasa dan sebagainya. Sejak itu, Patani terus berkembang menjadi sebuah negara yang maju dan menjadi tumpuan” (A. Malik, 1994: 14).

Kerajaan Patani pada masa dahulu pernah mempunyai kekuatan. Undang-undang jenayah Islam telahpun diamalkan. Hal ini dapat dilihat dalam fatwa Sheikh Ahmad bin Mohd. Zaiyn al-Fatani yang telah meninggal dunia pada tahun 1905 dalam buku *al-Fatawa al-Fataniy* soalan yang ke 80 dan beliau pun menjawab,

*“Soal: Masa zaujah naik dakwa pada hakim ia tiada mahu zaujnya pada hal zaujnya zina muhsan, maka hakim panggil zauj suruh talak akan dia maka zauj tiada mau mentalak akan dia dan jikalau dengan iwadh sekalipun, zauj tiada mahu mentalak samata-mata. Adakah boleh fasakh nikahnya atas kaul muktamad atau tiada. Maka jikalau tiada atas yang muktamad minta cari pula kaul yang dhaif-dhaif kerana zina muhsan itu tiada terpelihara muhsan itu, tiada terpelihara darahnya dan hakim hendak rejam akan orang zina muhsan itu, boleh kah atau tiada, kerana ditegah oleh raja kafir yang memerintah negeri itu maka lemahlah raja negeri itu hendak melawankan kafir itu sebab kuat kafir itu”.* (Pattani, 1957: 146)

Berdasarkan penulisan-penulisan tersebut, didapati bahawa fatwa yang dikeluarkan itu merupakan suatu gambaran terhadap pelaksanaan undang-undang Islam di tiga wilayah selatan Thailand. Ini kerana, dalam kalangan masyarakat Melayu, fatwa atau mufti mempunyai kedudukan dan autoriti dalam sistem pemerintahan, keagamaan dan kehakiman. Oleh yang demikian,

fatwa tidak akan dikeluarkan oleh mufti atau kadi, kecuali jika terdapat suatu peristiwa tertentu yang berlaku dalam kalangan masyarakat tersebut.

## **UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM THAILAND**

Pada tahun 1902, Patani secara rasminya diisytihar sebagai sebahagian daripada Thailand dan Patani dibahagikan kepada tujuh bahagian atau tujuh kawasan.<sup>4</sup> Kawasan-kawasan tersebut diisytiharkan penggunaan peraturan pemerintahan baru pada 10 Disember 1901. Undang-undang Negara Thai sama ada undang-undang sivil atau jenayah dikuatkuasakan dalam tujuh kawasan tersebut kecuali undang-undang keluarga dan pusaka sahaja (Phuttacark, 1986: 66).

Perisytiharan peraturan ini membuktikan bahawa sebelum 1902, undang-undang Islam yang merangkumi semua bidang telah dilaksanakan di Patani. Walau bagaimanapun, setelah Patani berada di bawah kerajaan Thai, undang-undang Islam hanya terhad kepada undang-undang kekeluargaan Islam dan harta pusaka sahaja. Semasa pemerintahan Rasyakal V khususnya pada zaman permulaan pemerintahannya, kuasa diberikan kepada Raja-Raja Negeri untuk menghakimi kes atau perbicaraan berdasarkan undang-undang Islam. Walau bagaimanapun, dalam kes yang disabitkan hukuman bunuh, Raja Negeri mempunyai kuasa untuk meringankan hukuman tersebut. Manakala kes-kes rayuan akan dikemukakan kepada *Khaluang* (Pesuruhjaya Tinggi) untuk dipertimbangkan (Wuttichai Mulsin, 1982: 363).

Polisi-polisi tersebut membuktikan bahawa kerajaan Thai telah memberi peluang dan ruang kepada undang-undang Islam untuk diamalkan selaras dengan kebudayaan dan adat istiadat setempat. Natiujahnya, kerajaan Thai berusaha menyusun undang-undang Islam agar sejajar dan selaras dengan sistem yang sedia wujud di Kementerian Keadilan. Hakim Mahkamah Thai perlu menghakimi setiap kes mengikut undang-undang Islam sekiranya berkaitan dengan hal ehwal Islam. Sebaliknya, jika kes-kes tersebut melibatkan penganut agama Buddha, maka penghakiman akan dijalankan mengikut undang-undang Thai Phipat Chakrangkurn, 1982: 307).

Semasa Patani dipecahkan kepada tujuh negeri seperti Pattani, Nongcik, Yaring, Raman, Yala, Thaiburi dan Ra'nget. Undang-undang yang bersifat khas dimasukkan ke dalam tujuh kawasan negeri sedikit sebanyak menimbulkan kesan-kesan terhadap pemakaian undang-undang Islam. Sebarang pelantikan, kenaikan pangkat atau perubahan hakim dalam tujuh kawasan negeri

---

<sup>4</sup> Tujuh bahagian atau tujuh kawasan yang dimaksudkan adalah Pattani, Nongcik, Yaring, Raman, Yala, Thaiburi dan Ra'nget.

ditugaskan untuk dibawa menghadap baginda raja dengan membawa dokumen dari *Khaluang yai* dan menyatakan hasratnya untuk mengadakan perubahan.

Seksyen 31 telah memperuntukkan bahawa terdapat tiga peringkat mahkamah, iaitu; a) Mahkamah Beriwini (Mahkamah Kawasan), b) Mahkamah Muang (Mahkamah Wilayah), c) Mahkamah Khuweang (Mahkamah Jajahan). Hakim di ketiga-tiga mahkamah yang berlainan ini hendaklah membicarakan kes mengikut undang-undang yang ditetapkan. Seksyen 32 undang-undang ini juga menyebut bahawa undang-undang sivil hendaklah digunakan kepada seluruh rakyat Thai. Namun, ianya dikecualikan kepada rakyat yang beragama Islam, khususnya dalam persoalan kekeluargaan dan harta pusaka. Manakala *Dato' Yuttitam*, berperanan untuk memutuskan kes-kes berkaitan undang-undang Islam.<sup>5</sup>

Undang-undang tersebut dikuatkuasakan pada 10 Disember B.E. 2444 (1902) bagi tujuh kawasan negeri. Oleh itu, undang-undang ini dianggap sebagai undang-undang negara yang terulung kerana memperuntukkan pemakaian undang-undang Islam dengan jelas. Walau bagaimanapun, ia tidak mempunyai akta undang-undang yang boleh diputuskan. Di samping itu juga, penubuhan mahkamah-mahkamah untuk mengendalikan kes-kes terhadap rakyat Thai secara amnya dan juga orang Islam di kawasan-kawasan ini khasnya dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kedudukan undang-undang Islam dan keputusan *Dato' Yuttitam* dalam tempoh ini tidak begitu seragam sehingga Akta Pemakaian Undang-Undang Islam di Kawasan Pattani, Yala, Narathiwat dan Satul diisytiharkan oleh kerajaan sebagai undang-undang Islam di empat wilayah selatan pada tahun 1946.

### **AKTA PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI WILAYAH PATTANI, YALA, NARATHIWAT DAN SATUL B.E. 2489 (1946)**

Akta ini merupakan akta pertama yang diisytiharkan oleh kerajaan sebagai undang-undang Islam di empat wilayah selatan Thailand<sup>6</sup> dan mula dikuatkuasakan pada 19 November 1946. Keistimewaannya ialah supaya umat Islam dapat menggunakan undang-undang ini di mahkamah dengan bebas untuk memutuskan kes-kes berkaitan hal ehwal Islam.

---

<sup>5</sup> Diambil dari jumlah yang berkaitan bagi pemakaian Undang-undang Islam khususnya yang terlibat dalam soal kekeluargaan dan harta pusaka.

<sup>6</sup> Diisytiharkan pada 19 Mei B.E. 2489, Rachanukbeksa 633 torn yang 77.

Sebelum akta ini dikuatkuasakan, draf undang-undang Islam mengenai mengenai keluarga dan pusaka telah disediakan dalam Bahasa Melayu berdasarkan kitab-kitab Bahasa Arab dan Melayu. Apabila ianya sudah dikumpul dan disusun dengan baik, maka pihak Kementerian Keadilan mengarahkan kepada *Dato' Yuttitam* untuk menterjemahnya ke dalam bahasa Thai. Usaha penterjemahan ini berlangsung selama 12 tahun dan dijadikan asas kepada undang-undang Islam mengenai keluarga dan pusaka. Draft yang diterjemahkan ini diambil dari pendapat al-Shāfi'ī sahaja tanpa pendapat lain. Hal ini boleh dilihat dalam nama-nama kitab yang diterjemahkan sama ada Bahasa Arab atau Melayu kesemuanya dari kalangan mazhab al-Shāfi'ī. Hal ini menunjukkan terdapat satu titik pertemuan di antara selatan Thai dan Kelantan dalam bahagian perundangan Islam. Kitab-kitab yang dirujuk berjumlah 13 kitab, enam ditulis dalam Bahasa Arab dan tujuh dalam Bahasa Melayu. Buku yang ditulis dalam Bahasa Arab ialah *Ghāyah al-Maksud; Fath al-Mu'īn; al-Syarh al-Rājiah; Mughni al-Muhtāj; al-Baijuri dan Hak al-Musykilāt*. Sementara buku yang ditulis dalam Bahasa Melayu ialah *Mirah al-Tullāb; Kasyf al-Litham; Furu' al-Masa'il; Muta'allimu; Iddah al-Bāb; Matla' al-Badrayn dan Fatāwa al-Qudā fi Ahkām al-Nikāh*.

Akta ini mengandungi tujuh bahagian utama. Walau bagaimanapun, pada tahun B.E. 2521 (1978) Akta Mahkamah Keadilan telah diperkenalkan sebagai pentafsiran kepada Akta Pemakaian Undang-Undang Keluarga Islam di Pattani, Yala, Narathiwat dan Satul B.E. 2489 dengan menyatakan syarat-syarat kelayakan bagi orang yang akan memegang jawatan *Dato' Yuttitam* dan diikuti pula selepas itu Peraturan Kementerian Dalam Negeri. Kes-kes kekeluargaan Islam dan harta pusaka di kawasan ini diputuskan berlandaskan undang-undang Islam, sama ada kes yang diadukan itu berbentuk bicara antara pihak (inter parte) atau bicara sebelah pihak (ex-parte). Pengecualian diberikan dalam kes yang melibatkan tempoh umur sesuatu harta yang akan didakwa kerana ianya perlu mengikut peraturan Undang-undang Sivil dan Mal.<sup>7</sup>

Perbicaraan mana-mana kes yang melibatkan orang Islam di Mahkamah Rendah ini tidak dianggap sempurna melainkan diadili oeh *Dato' Yuttitam* (*Ibid.*, Seksyen 4). Keputusan *Dato' Yuttitam* adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan diterima. Selain daripada akta ini juga menetapkan perbicaraan mesti dihadiri oleh *Dato' Yuttitam* dan Hakim Am. Hakim Am bertanggungjawab membuktikan kesahihan fakta mengikut undang-undang keterangan, manakala *Dato' Yuttitam* pula bertanggungjawab memutuskan kes berdasarkan undang-undang Islam.

---

<sup>7</sup> Seksyen 3 Akta Pemakaian Undang Islam, B.E. 2489 (1946).

Sejak dari tahun 1946, akta tersebut masih aktif dijalankan di empat wilayah selatan Thai sehingga kini, tanpa wujud penggubalan undang-undang ke arah yang lebih baik, kecuali ada sedikit penambahbaikan dalam aspek umur yang belum ditetapkan kepada perempuan yang akan dikahwinkan<sup>8</sup> setelah berlaku kegemparan perkahwinan di antara peraih getah rakyat Malaysia dengan budak perempuan yang berumur 11 tahun dari wilayah Narathiwat.<sup>9</sup> Maka secara amalnya, perkahwinan itu akan dipersoalkan oleh pihak Majlis Agama Islam Wilayah tentang umur pasangan yang akan dikahwinkan. Sebagai contoh, perempuan akan dihadkan umur 16 tahun, manakala lelaki pula adalah 18 tahun. Sekiranya pasangan lelaki dan perempuan ingin menyegerakan perkahwinan sebelum umur tersebut maka mesti membuat tuntutan dan penjelasan di Majlis Agama Islam wilayah masing-masing tentang sebab-sebab dan elemen-elemen yang perlu disegerakan.

## ISU-ISU BERBANGKIT DARI PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM

### 1. Isu Pentadbiran Kehakiman Islam

Isu yang berbangkit pada bahagian ini ialah berhubung skop dan had ruang dibenarkan kepada undang-undang. Ia hanya terpakai kepada umat Islam di sesuatu tempat sahaja tanpa melibatkan kawasan-kawasan lain yang mempunyai majoriti orang Islam. Undang-undang Islam hanya terpakai dalam konteks undang-undang keluarga Islam dan harta pusaka sahaja, bahkan hanya melibatkan pihak yang bersetuju untuk menerima pakai undang-undang Islam. Sekiranya mereka tidak bersetuju, maka undang-undang sivil dan mal akan digunakan. Keputusan yang dibuat oleh *Dato' Yuttitam* tidak dibenarkan untuk dibuat rayuan walaupun keputusan itu adalah salah (*Ibid.*, Seksyen 4). Banyak persoalan timbul akibat kesilapan dan kesalahan dalam keputusan yang berlaku sebelum ini, apa yang jelas kes terbeku dan tidak dapat diatasi sekali gus menggambarkan kejumudan dari aspek undang-undang.

Mengenal pasti kesahihan fakta dan prosedur perbicaraan adalah berpandukan kepada undang-undang acara sivil. Oleh itu, apabila terdapat sebab-sebab yang boleh menjejaskan perbicaraan kes seperti tidak dapat

<sup>8</sup> Ma'roning Yala (Anggota penambahbaikan undang-undang Islam di Thailand), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 3 September 2018.

<sup>9</sup> Harian Metro, "Ambo rindu ko dio..." <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/08/370329/ambo-rindu-ko-dio>, disiarkan pada 22 Ogos 2018, dicapai pada 8 Disember 2020.

menjalankan tugas dengan baik, maka pihak plaintif dan defendan berhak untuk memilih orang yang sesuai (orang tengah atau hakim) yang tidak melebihi tiga orang daripada setiap pihak. Hakim atau ketua Mahkamah adalah salah seorang daripada nama-nama tersebut berperanan sebagai pengganti *Dato'Yuttitam* untuk membicarakan kes tersebut (*Ibid.*, Seksyen 5).

Kes-kes yang tertangguh sebelum perisytiharan undang-undang ini tidak terjejas melainkan kes itu tidak dihadiri oleh defendan ataupun pendakwaan itu berlangsung dalam tempoh 30 hari selepas pengumuman undang-undang. Prosiding undang-undang tersebut diterima pakai oleh Mahkamah, sama ada diadakan rayuan baru ataupun sebaliknya (*Ibid.*, Seksyen 6).

Secara asasnya, *Dato'Yuttitam* tidak boleh membuat keputusan tanpa kehadiran hakim sivil yang ditentukan untuk bersamanya. Kedua-duanya saling memerlukan dalam membuat keputusan yang ditetapkan undang-undang, kecuali perbicaraan tersebut dibenarkan hakim sivil supaya *Dato'Yuttitam* melakukan dengan bersendirian sebagaimana belaku dalam sesetengah kes *ex-parte*.

Menurut W.K. Che'man (1998: 74), terdapat lapan orang kadi yang dilantik oleh Kementerian Keadilan untuk membantu dan memberi nasihat kepada hakim sivil berkenaan kes-kes berkaitan kekeluargaan dan harta pusaka. Secara dasarnya, kadi merupakan orang yang berpengetahuan dalam undang-undang Islam. Walau bagaimanapun, terdapat kadi yang dilantik daripada keluarga yang berpengaruh dan mempunyai latar belakang pendidikan yang tidak formal. Lazimnya, kadi tidak dihormati oleh masyarakat tempatan disebabkan memiliki latar belakang pendidikan yang tidak formal. Kebanyakan perbalahan yang melibatkan isu perwarisan dan kekeluargaan diselesaikan oleh imam dan guru agama dalam kalangan masyarakat tersebut. Di samping itu, pengemukaan kes ke mahkamah akan menyebabkan kedua-dua pendakwa dan pihak yang didakwa membayar kos guaman yang tinggi. Dalam hubungan ini, sebahagian daripada masyarakat Melayu Islam menganggap pelantikan kadi menduduki mahkamah bukan Islam di tiga wilayah Selatan Thailand bukanlah bertujuan untuk memenuhi kepentingan orang Islam.

## **2. Isu Perundangan Islam**

Hasil kajian yang dilakukan, didapati kebanyakan isu atau permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan Akta Pemakaian Undang-undang Islam Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul 1946 lebih tertumpu kepada aspek isu perundangan. Dari aspek undang-undang, berlakunya konflik dalam pelbagai bidang perundangan. Sesetengah daripadanya berlaku apabila undang-undang

jenayah dikuatkuasakan kepada sesetengah kes berkaitan undang-undang Islam seperti apabila mengahwinkan perempuan yang berada di bawah umur. Contoh: perkahwinan seorang perempuan yang berumur 13 tahun. Perkahwinan ini memang bercanggah dengan seksyen 227 Akta Undang-undang Jenayah Sivil walaupun perkahwinan tersebut dipersetujui dan diresdai oleh perempuan itu sendiri.

Berpandukan kepada undang-undang Islam, didapati bahawa perkahwinan di bawah umur adalah sah, lebih-lebih lagi apabila umur telah mencapai usia tahap baligh mengikut ajaran Islam.<sup>10</sup> Konflik ini berpunca apabila Jabatan Polis bertegas menyatakan bahawa perkahwinan di bawah umur adalah menyalahi undang-undang. Oleh itu, konflik ini menjadi bertambah serius apabila mahkamah mengeluarkan keputusan terhadap perkara berkenaan. Apabila seseorang lelaki Muslim berkahwin dengan seorang perempuan di bawah umur, perkahwinan ini sah mengikut perspektif undang-undang Islam. Namun demikian, lelaki tersebut tetap akan dituduh menyalahi seksyen 277 Akta Undang-undang Jenayah Sivil (Mahamatayuding, 2002: 107).

Seterusnya, konflik juga berlaku dalam Undang-undang Peang (Keluarga dan Harta Pusaka) memastikan pemindahan hak milik itu mengikut kehendak undang-undang Sivil. Sebaliknya, jika pendaftaran tersebut tidak mengikut undang-undang, maka proses pendaftaran itu akan ditolak, kecuali adanya surat akuan mahkamah yang mengizinkan dan mengesahkan pendaftaran tersebut. Contohnya, pembahagian harta pusaka adalah dipertanggungjawabkan kepada Tok Imam dan apabila pembahagiannya telah selesai, maka surat akuan akan dikeluarkan.

Surat akuan ini boleh diumpamakan sebagai surat damai bagi kaum keluarga berkenaan. Oleh itu, untuk mendapat pengesahan kerajaan, seseorang itu perlu mendaftar di pejabat tanah. Terdapat konflik yang berlaku kerana pendaftaran tersebut akan diterima sekiranya mempunyai persamaan dengan undang-undang Sivil. Jika didapati bertentangan, maka ia akan ditolak oleh pihak berkenaan.

Konflik tersebut seringkali berlaku apabila pihak pegawai tanah bersikap tegas dan mengikut peraturan yang dinyatakan dalam undang-undang. Dalam pertikaian mengenai harta pusaka akan berterusan tanpa sebarang kesudahan apabila pihak yang gagal mendapatkan hak dalam keputusan kes akan berusaha mencari jalan dengan mendakwa sekali lagi dan mencabar pendaftaran harta tersebut mengikut undang-undang sivil di mahkamah. Dalam keadaan seperti ini, mahkamah akan berpandukan kepada Undang-undang Sivil.

---

<sup>10</sup> Artikel 50 (1), Lak Kodmai Islam.

Manakala dari aspek *Dato'Yuttitam* pula, dapat dilihat dalam beberapa isu, di antaranya ialah Seksyen 3 Akta Pemakaian Undang-undang Islam 1946 menjelaskan:

*“Dato'Yuttitam berkuasa memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Undang-undang Islam dan tidak berkuasa membicarakan keterangan fakta sesuatu kes.”*

Dengan itu, jelaslah bahawa *Dato'Yuttitam* tidak diberi kuasa sepenuhnya dalam pelaksanaan undang-undang Islam. Bahkan, beliau sekadar pemutus dan penimbang tara bagi sesuatu perkara yang telah dibicarakan oleh hakim am serta menandatangani sebagai salah seorang anggota kumpulan sahaja. Oleh yang demikian, hal ini amatlah bertentangan dengan konsep kadi yang berkuasa sepenuhnya (Munir Muhammad 1978: 85).

Keputusan yang dibuat oleh *Dato'Yuttitam* tidak dilaksanakan sepenuhnya berbanding dengan keputusan yang dibuat mengikut undang-undang sivil. Ini adalah kerana undang-undang sivil wajib dipatuhi oleh semua golongan rakyat, manakala undang-undang Islam tidak wajib dipatuhi oleh setiap umat Islam di negara ini. Contohnya, dalam perkahwinan pasangan Muslim yang didaftarkan mengikut undang-undang sivil dan kemudiannya berlaku perceraian, maka perceraian tersebut sah dan berkuatkuasa mengikut Hukum Syarak.

Jika kes ini diadukan kepada *Dato'Yuttitam*, maka perceraian tersebut akan berkuatkuasa. Namun, sekiranya pihak defendan membantah dengan menyatakan bahawa perkahwinannya telah didaftarkan perceraian mengikut undang-undang sivil, maka perceraian tersebut tidak dianggap sah sehingga ia didaftarkan.

Selagi perceraian itu tidak didaftarkan, maka perkahwinannya masih dianggap sah dan masih berjalan mengikut undang-undang, kecuali salah satu pihak meninggal dunia atau mahkamah mengeluarkan perintah membubarkan perkahwinan tersebut.

Seterusnya, pendaftaran perceraian di Majlis Agama Islam Wilayah dianggap tidak sah mengikut undang-undang Sivil. Hal ini benar-benar berlaku ke atas orang Islam yang terpaksa berurusan dengan pejabat daerah atau pejabat pentadbiran Wilayah.

Sesuatu pendaftaran perceraian dianggap sah dan sempurna mengikut undang-undang Islam tidak memberi apa-apa kesan kepada pejabat yang bertanggungjawab melaksanakan undang-undang sivil. Dengan itu, pihak pejabat akan berpegang kepada undang-undang sivil tanpa memandangkan undang-undang Islam.

Walau bagaimanapun, keputusan atau penghakiman yang diberikan oleh *Dato'Yuttitam* tidak dapat memberi apa-apa kesan kepada undang-undang sivil. Ini kerana undang-undang tersebut dikuatkuasakan ke seluruh pelusuk negeri sementara pemakaian undang-undang Islam hanya dikuatkuasakan di empat wilayah selatan Thailand sahaja. Namun, apa yang lebih daripada itu ialah sebarang keputusan dalam apa jua yang dilakukan oleh *Dato'Yuttitam* tidak boleh dibuat rayuan. Hal ini ternyata dalam Seksyen 4 (3) Akta Pemakaian Undang-undang Islam B.E. 2489(1946) menyatakan bahawa:

*“Keputusan yang telah diberikan oleh Dato'Yuttitam adalah muktamad sebarang rayuan terhadap keputusan itu tidak dibenarkan”.*

Dalam perbicaraan kes di mahkamah, keputusan perbicaraan ditetapkan oleh *Dato'Yuttitam*. Kadangkala berlaku kesilapan atau ketidak tepatan semasa membuat penghakiman, rayuan terhadap kes ini tidak dibenarkan dan sudah tentu akan menimbulkan ketidakadilan (Mahamatayuding, 2012: 363).

Sebelum tahun 1982, telah berlaku satu kes di Mahkamah Pattani di mana *Dato'Yuttitam* tersilap dalam membuat keputusan dan natijahnya pihak defendan dituduh. Dalam hal ini, defendan amat berdukacita sehingga dia membuat rayuan kepada Perdana Menteri. Berikutan rayuan ini, Perdana Menteri mengemukakan rayuan kepada *Chularajmonteri* bagi mendapat penjelasan kes tersebut. Lalu *Chularajonteri* menegaskan penghakiman kes tersebut adalah tersilap berbanding keputusan yang sepatutnya tetapi dia tidak boleh mencabar keputusan ini disebabkan adanya peruntukan seksyen 4 (3). (Zainl Abidin Tokmina, 1998: 66-67).

Selain dari itu, apa yang dilihat sebagai kontroversi bagi orang Islam seluruhnya ialah pemakaian dan pelaksanaan undang-undang Islam hanya di empat wilayah selatan Thailand sahaja iaitu Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul. Adapun di wilayah-wilayah yang lain seperti Chumpon, Ranong, Surattani, Nakhonsri Tammarat, Pangga, Puket, Kerabi, Terang, Pattalung dan Songhkla tidak diperuntukkan undang-undang tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam Seksyen yang ketiga Akta Pemakaian Undang-undang Islam B.E. 2489 (1946) menyebut bahawa,

*“Dalam Perbicaraan kes kekeluargaan dan harta pusaka orang-orang Islam di kawasan Pattani, Yala, Narathiwat dan Satul di Mahkamah Rendah, sama ada orang Islam itu sebagai plaintif atau defendan, maka undang-undang Islam akan digunakan sebagai pengganti kepada Undang-undang Sivil”.*

Seseorang Muslim yang tidak mahu dibicarakan mengikut undang-undang Islam akan berpindah ke kawasan selain dari empat wilayah selatan Thailand dalam tempoh masa tertentu dan hasilnya keputusan perbicaraan akan berubah, ini kerana mengikut Undang-undang Sivil seksyen 4 Akta Perbicaraan (Kuam Peng) ada menyebut bahawa,

*“Tuntutan dalam sebarang kes paeng (mal) tidak dapat dilaksanakan kecuali di mahkamah di kawasan tempat tinggalnya”*

### **3. Penyelesaian**

Beberapa cadangan ingin dikemukakan bagi menghadapi permasalahan yang timbul sebagai suatu penyelesaian yang merangkumi aspek-aspek yang dibincangkan di atas. Dari aspek pentadbiran kehakiman Islam, Akta Pemakaian Undang-undang Islam memerlukan beberapa pindaan untuk memperluaskan lagi bidangkuasa *Dato'Yuttitam* dalam mengendalikan beberapa aspek perundangan seperti kekeluargaan, pembuktian fakta, membicarakan dan menjalankan prosiding undang-undang keterangan di mahkamah.

Begitu juga dengan seksyen 4 (3) akta tersebut yang perlu dipinda supaya dibenarkan membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh *Dato'Yuttitam*. Rayuan dalam sesuatu kes yang diputuskan adalah penting, lebih-lebih lagi apabila keputusan mahkamah tersilap dan tidak tepat. Rayuan ini boleh sahaja dilakukan di mana-mana mahkamah, sama ada di Mahkamah Rayuan (*Uthon*) atau di Mahkamah Tinggi (*Dika*). Di samping itu, pindaan tersebut dapat mewujudkan kerjasama di antara *Dato'Yuttitam* (kadi) dan Chularajmonteri bagi tujuan mendapat bimbingan.

Seterusnya, dari aspek perundangan Islam, akta undang-undang Islam perlu diubahsuai agar turut terpakai di luar mahkamah dan dikuatkuasakan kepada badan-badan kerajaan. Hal ini penting agar keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah mengenai undang-undang Islam dapat diterima sepertimana keputusan yang dibuat melalui undang-undang sivil. Di samping itu, penggunaannya perlu diperluaskan ke wilayah-wilayah lain atau mana-mana wilayah yang mempunyai majoriti penduduk beragama Islam atau kawasan yang mempunyai Jawatankuasa Islam Wilayah.

Selain itu, pihak kerajaan juga mesti mengambil perhatian kepada cara-cara penyelesaian lain seperti melalui cara pentadbiran, menetapkan suatu polisi yang mantap, mewujudkan koordinasi di antara kerajaan dan masyarakat

Islam atau menyediakan kurikulum undang-undang Islam di Fakulti Undang-Undang di universiti-universiti kerajaan atau tempatan.

Justeru, bagi menyelesaikan masalah yang timbul secara toleransi, sikap saling memahami di antara satu sama lain penting sepertimana yang berlaku dalam kes perkahwinan yang melibatkan wanita di bawah umur. Dalam hal ini, kerajaan seharusnya memahami dengan lebih baik akan perkahwinan dalam usia ini bahawa ia bukanlah semata-mata bersifat negatif, bahkan terdapat unsur positif apabila perkahwinan ini telah dipersetujui oleh wanita itu sendiri.

## KESIMPULAN

Tindakan membatalkan undang-undang Islam oleh pihak yang berkuasa Thailand pada tahun 1943 menjadi sebab utama berlakunya ketegangan dan kekacauan politik di selatan Thailand. Kerajaan Thailand menyedari akan kesilapan tindakan itu, maka Peridi Penomyong (1945-1946) selaku Perdana Menteri telah mengisytiharkan undang-undang Islam pertama, iaitu undang-undang di bahagian pentadbiran, diberi nama "*Pera'raj Banyat Dika Waduai Sasenu Patam Fai Islam, B.E. 2488 (1945)*." (Akta Diraja bagi Penjagaan Agama Islam).

Seterusnya pada tahun 1946, kerajaan Peridi Penomyong diambil alih oleh Thamrong Nawasawad yang mengamalkan sistem demokrasi pada ketika itu mengambil langkah menerapkan semula undang-undang Islam di selatan Thailand, iaitu undang-undang di bahagian kehakiman dengan mengeluarkan akta baru yang dinamakan "*Akta Pemakaian Undang-undang Islam di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul B.E. 2489 (1946)*". Walau bagaimanapun, akta tersebut tidak tersunyi dari beberapa isu dan permasalahan yang sebahagian daripadanya berkaitan undang-undang dan *Dato'Yuttitam*.

## RUJUKAN

- Harian Metro. "Ambo rindu ko dio..." <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/08/370329/ambo-rindu-ko-dio>, disiarkan pada 22 Ogos 2018, dicapai pada 8 Disember 2020.
- Index Mundi. "Thailand Area", [www.indexmundi.com/Thailand/area.html](http://www.indexmundi.com/Thailand/area.html), dicapai pada 2 Oktober 2018.
- Likhit Tira'wekin (1977). *Wiwatnakarn Karn Muang*. Bangkok: Samnakfim Mahawityalai Tammasat.
- Mahamatayuding Samah (2002). "Pentadbiran Undang-Undang Islam di Tiga

- Wilayah Selatan Thai.” Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mahamatayuding Samah (2010). “Tuntutan Selepas Perceraian Bagi Wanita Islam: Satu Kajian Terhadap Amalannya di Tiga Wilayah Selatan Thai.” Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Munir Muhammad (1978). *Kodmai Islam (Undang-Undang Islam)*. Bangkok: Samnakpim Sai Samfan.
- Narong Sri Pa’chana’ (1974). *Khuam Penma Khong Komai Islam Lea Dato’Yuttitam* (Latar Belakang Undang-undang Islam dan Dato’Yuttitam). Nakhon Sri Tammarat: Sri Aksorn.
- Phipat Chakrangkurn (1982). “Kodmai Islam” (Undang-undang Islam). Kertas kerja, Seminar Karn Chai Kodmai Islam Nai Khet Cangwad Pattani, Narathiwat, Yala lea Satul di Hadyai, 13-14 Mac 1982.
- Thanet Aphornsuvan, “History and Politics of the Muslims in Thailand,” <https://seap.einaudi.cornell.edu/sites/seap/files/MuslimThailand.pdf>, dicapai pada 28 Mei 2020.
- Thawatt Mokarapong (1987). *Sejarah Revolusi Thai* (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- W.K. Che’man (1998). “Islam di Patani Semasa,” dalam *Minoriti Muslim di Thailand*, ed. Farid Mat Zain, Zulkarnain Mohamed. Selangor: Penerbit L Minda, 60-74.
- Wuttichai Mulsin (1982). *Monthon Thesapibal Wikra’ Periap Tiap Aikasarn Tang Wishakarn Khong Semakum Sun Kelang Heang Pera’ te Thai (Wilayah Persekutuan dan Dokumen Akademi bagi Pejabat Am Negara Thai)*. Bangkok: Rong phim Seang Rung karn Fim.
- Zainal Abidin Tokmina (1988). “Mahkamah Syariah,” Kertas kerja, Draf Rang Undang-undang Islam, Dewan Senat Thai, Pattani.

### **Senarai Statut**

- Akta Diraja bagi Penjagaan Agama Islam 1945.
- Akta Pemakaian Undang-undang Islam Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul 1946.

### **Senarai Temu Bual**

- Ma’roning Yala (Anggota penambahbaikan undang-undang Islam di Thailand), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 3 September 2018.